



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JTW 103 – Undang-Undang Perniagaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

JAWAB SEMUA SOALAN.

SOALAN 1 [20 markah]

Huraikan tugas dan kewajipan ejen yang berikut dengan menyertakan seksyen dan kes yang berkaitan.

- (a) Jalankan kerja dengan hati-hati, tekun dan gunakan kemahiran yang ada. (5 markah)
- (b) Tidak biarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas ejen. (5 markah)
- (c) Tidak membuat untung rahsia. (5 markah)
- (d) Mengemukakan akaun yang betul. (5 markah)

SOALAN 2 [20 markah]

Sumber undang-undang Malaysia terbahagi kepada sumber bertulis dan sumber tidak bertulis. Salah satu sumber tidak bertulis ialah undang-undang Inggeris (*English Law*). Bincangkan sejauh manakah pemakaian undang-undang Inggeris (*English Law*) di Malaysia. Sila kemukakan akta-akta serta seksyen-seksyen dan kes-kes yang berkaitan untuk menyokong perbincangan anda.

SOALAN 3 [20 markah]

Mr. Jerome Fernandez dan Mrs. Mariane Fernandez mempunyai seorang anak bernama Samantha. Samantha mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan A Level. Mr. Jerome mahu anaknya melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di India manakala Mrs. Jerome tidak bersetuju, beliau mahu Samantha meneruskan pengajian dalam negeri kerana tidak mahu berpisah jauh dengan anaknya. Mereka berselisih faham dan akhirnya Mr. Jerome membuat perjanjian dengan Mrs. Jerome bahawa dia akan membawa Mrs. Jerome melawat Samantha dua kali setahun iaitu sekali bagi setiap enam bulan. Masuk tahun ketiga Samantha di India, Mr. Jerome memungkiri janjinya. Mrs. Jerome menuntut agar Mr. Jerome membawanya ke India sepertimana yang dijanjikan sebelum ini.

Apakah status perjanjian ini? Bincangkan dengan menyertakan kes-kes dan seksyen-seksyen yang berkaitan.

SOALAN 4 [20 markah]

Pada 1 Januari 2016, Makson Komputer Sdn. Bhd. telah membuat cadangan untuk menjual komputer jenama ATOSS kepada Numero Enterprise dengan harga RM2000 se unit. Cadangan itu sampai ke pejabat Numero Enterprise pada 3 Januari 2016, pukul 10 pagi. Pengurus Numero Enterprise, En. Lee Lip Sin telah mengarahkan setiausahanya membuat penerimaan bagi membeli sepuluh unit komputer. Surat penerimaan tersebut telah diposkan pada 4 Januari 2016. Pada pagi 5 Januari 2016, En. Siva, pengurus Makson Komputer Sdn. Bhd. telah menelefon En. Lee Lip Sin memberitahu bahawa harga sebenar bagi se unit komputer tersebut ialah RM2500 dan bukannya RM2000 seperti cadangan asal mereka. En. Lee Lip Sin menyatakan bahawa surat penerimaan telah diposkan pada 4 Januari 2016 tetapi En. Siva mendakwa beliau masih belum menerima surat tersebut.

En Lee Lip Sin telah berjumpa dengan anda untuk mendapatkan nasihat berhubung kontrak antara syarikat beliau dengan Makson Komputer Sdn Bhd. Anda dikehendaki menasihatkan En. Lee Lip Sin berpandukan kepada seksyen-seksyen yang terdapat dalam Akta Kontrak 1950 dan kes-kes yang berkaitan.

SOALAN 5 [20 markah]

- (a) Jelaskan takrifan barangan mengikut Akta Jualan Barangan 1957. (10 markah)
- (b) Terangkan jenis barangan mengikut Akta Jualan Barangan 1957 dengan memberikan contoh yang berkaitan. (10 markah)